

LAPORAN CADANGAN REKA BENTUK DALAMAN
“ MALAYSIAN SONGKET HERITAGE CENTRE”
DI ALAMAT SEKSYEN 63 JALAN CONLAY,
50450 KUALA LUMPUR.

Oleh :

MARLIAH BT RAMLI

2001329156

JABATAN SENIBINA DALAMAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
SERI ISKANDAR, PERAK
DIS 2004 / APRIL 2005

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah dan kurnia- Nya, saya telah dapat menghasilkan sebahagian daripada kerja kursus sebagai memenuhi syarat untuk memperolehi Diploma dalam bidang Rekabentuk Dalaman. Walaupun terdapat banyak dugaan dan komitmen pada tugas lain, tetapi dapat juga saya menghasilkan laporan akhir ini. Sebagai penghargaan saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada beberapa pihak tertentu sama ada yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di dalam penghasilan laporan ini.

Pertama sekali, jutaan terima kasih kepada semua tenaga pengajar Diploma Rekabentuk Dalaman khususnya Encik Azizul Azli selaku penyelia laporan ini yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, pandangan dan maklumat yang berguna sepanjang penghasilan laporan ini. Kesudian beliau meluangkan masa juga amat saya hargai. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Puan Norasyikin selaku koordinator THE386 yang telah banyak membantu dan memberikan garis panduan dalam penghasilan laporan ini. Tidak ketinggalan juga kepada ketua Kursus Puan Ramlah dan juga tenaga pengajar semester 6 Diploma Rekabentuk Dalaman yang telah banyak membantu sepanjang semester ini.

Jutaan terima kasih juga kepada pihak yang terlibat iaitu Perbadanan Kemajuan Krafftangan Malaysia selaku klien untuk melengkapkan lagi projek semester akhir saya ini yang telah banyak memberikan kerjasama sepanjang kajian yang telah saya jalankan.

ABSTRAK

Bangsa Melayu mempunyai banyak kepandaian terutamanya dalam bidang kesenian seperti dalam bidang seni kraftangan. Seni-seni kraftangan tersebut termasuklah seni menenun, mencanting dan membatik yang merupakan aset warisan Melayu yang tidak ternilai harganya.

Pada era mungkin ramai yang mengenali batik, songket atau fabrik lain sebagai pakaian, tetapi tidak mengetahui dengan lebih mendalam tentang seni pembuatannya, pemilihan motif dan coraknya. Keadaan ini telah mendorong Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia untuk mempergiatkan lagi usaha bagi menarik minat masyarakat terutamanya bagi golongan muda. Usaha ini adalah bagi memastikan masyarakat lebih menghargai dan meminati seni tekstil ini, bukan hanya sekadar pakaian tetapi sebagai seni warisan yang harus dikekalkan dan sangat tinggi nilainya. Selain itu juga seni ini boleh mendatangkan pendapatan yang lumayan dan sebagai satu usaha yang boleh dikembangkan untuk meningkatkan ekonomi negara. Songket merupakan satu seni tekstil yang begitu unik dan harus dikekalkan nilai keseniannya.

Memandangkan sekarang ini Perbadanan kemajuan Kraftangan Malaysia tidak mempunyai tempat yang khusus bagi seni tekstil, maka sebuah pusat bagi menempatkan seni tekstil songket khususnya amat diperlukan. **'Malaysian Songket Heritage Centre'** merupakan sebuah pusat bagi memperkenalkan dan mempromosikan warisan songket Malaysia kepada masyarakat setempat mahupun masyarakat asing.

Tujuan kajian akhir ini adalah bagi menganalisa dan memberi gambaran secara lebih terperinci pada projek tahun akhir Diploma Rekabentuk Dalaman iaitu merupakan

sebuah pusat bagi mempromosi dan memperkenalkan warisan songket Malaysia. Oleh yang demikian rekaan sesebuah ruang dalaman itu amat perlu bagi memastikan ianya menepati keperluan sebuah pusat songket selain daripada memenuhi keperluan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Analisa tapak juga turut dijalankan bagi mengenalpasti tapak yang berpotensi dan strategik bagi sesebuah pusat songket. Kajian tapak banyak mempengaruhi rekabentuk dalaman sesebuah ruang mengikut konsep dan imej yang ingin ditonjolkan.

Dengan adanya laporan kajian akhir ini, penyampaian maksud dan kehendak projek akhir ini akan menjadi lebih jelas, teratur dan lebih mudah difahami khususnya bagi projek rekabentuk dalaman '**Malaysian Songket Heritage Centre**'.

Penghargaan	i
Abstrak	iii
Senarai Rajah	v

Isi Kandungan

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
----------------------	----------------

BAB 1	PENGENALAN	1
1.0	PENGENALAN SENI TEKSTIL	1
1.0.1	LATAR BELAKANG KAJIAN TENTANG SONGKET	3
1.0.2	SONGKET	5
1.0.2.1	Motif dan Corak	6
1.0.2.2	Simbol Pada Warna	7
1.0.2.3	Teknik Pembuatan Songket	7
1.1	PENGENALAN KEPADA ' MALAYSIAN SONGKET HERITAGE CENTRE '	12
1.2	SKOP PROJEK ' MALAYSIAN SONGKET HERITAGE CENTRE '	15
1.2.1	Ruang Interaktif	15
1.2.2	Ruang Informasi	15
1.2.3	Ruang Pameran	16
1.2.4	Bengkel	17
1.2.5	kedai Cenderahati	17
1.2.6	Pejabat	17
1.3	OBJEKTIF KAJIAN	18
1.4	KEPENTINGAN PROJEK	19
1.5	METODOLOGI KAJIAN	20